

Terma dan Syarat

Terma dan Syarat “Promosi MyGOAL” UOBM

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”) sedang menjalankan “Promosi MyGOAL” (“Promosi”) dari 8 May 2019 hingga 31 Disember 2019 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tarikh lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa (“Tempoh Promosi”).

Dipinda 10 Jun 2019: Dana Unit Amanah yang Layak untuk Promosi ini telah dikemaskinikan (rujuk Klausula 6). Versi ini perlu dibaca dengan Terma dan Syarat yang bertarikh 8 May 2019 [Per: MyGOAL May.V3 8May2019 - BM].

Kelayakan

1. Promosi ini dibuka kepada semua pelanggan individu UOBM yang baru dan sedia ada (“Pelanggan yang Layak”).
2. Individu seperti berikut tidak layak untuk menyertai Promosi:
 - Pemilikan tunggal, Perkongsian, Pertubuhan/Persatuan Bukan Untung/Kebajikan, Pelanggan Korporat dan Komersial.
 - Kakitangan tetap dan berkontrak UOBM (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan UOBM dan juga akaun di mana kakitangan tersebut merupakan seorang pemegang akaun bersama).
3. Pelaburan berikut tidak termasuk dalam Promosi ini:
 - Penempatan *Fixed Deposit Plus* (“FD Plus”) yang dilakukan di bawah Perbankan Internet;
 - Jumlah FD Plus yang dicagarkan di bawah kemudahan pinjaman dan/atau disediakan sebagai lien kepada UOBM;
 - Pelaburan yang menggunakan dana daripada pengeluaran KWSP
4. Semua penempatan FD Plus mesti dilakukan dengan menggunakan dana baru atau dana sedia ada.
 - Dana baru ialah dana yang dipindahkan, dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan, sebelum penempatan FD Plus yang dilakukan menurut terma dan syarat yang terkandung di sini, oleh:
 - Pelanggan yang Layak dari akaun beliau dengan bank lain ke dalam akaun simpanan/semasa/simpanan tetap/mata wang asing UOBM;
 - pihak ketiga ke dalam akaun simpanan/semasa/deposit tetap/mata wang asing UOBM Pelanggan yang Layak.
 - Dana yang dipindahkan antara akaun simpanan/semasa/deposit tetap/mata wang asing UOBM Pelanggan yang Layak atau dalam bentuk cek, pesanan jurubank atau draf permintaan UOBM dianggap sebagai dana sedia ada.
 - Dana dari penebusan Dana Unit Amanah (“UT”) akan dianggap sebagai dana baru.

5. Pelaburan ke dalam UT mesti dilakukan melalui satu (1) transaksi langganan UT yang biasa dan juga **Pelan Pelaburan Sistematik** (*Systematic Investment Plan* atau “SIP”) dalam tempoh lima (5) bulan.

Kaedah Promosi

6. Pelanggan yang Layak akan layak menikmati salah satu daripada promosi kadar faedah FD Plus berikut (“Kadar Promosi”) dengan syarat pelaburan dilakukan ke dalam mana-mana satu (1) Dana UT yang Layak (ditakrifkan di bawah):
- Kadar Promosi untuk **Dana UT yang Layak** disenaraikan di bawah

SIP : Nisbah FD Plus	1 SIP : 1 FD Plus	
Tempoh FD Plus	Kadar Promosi FD Plus	
	Penempatan menggunakan dana baru	Penempatan menggunakan dana sedia ada
6 bulan	6.80% setahun	6.70% setahun

Dana Unit Amanah yang Layak (“Dana UT yang Layak”)

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Quantum ▪ Affin Hwang World Series - China A Opportunity Fund ▪ Affin Hwang World Series - China Growth ▪ Asia Pacific Equity Income (MYR) ▪ CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Income ▪ CIMB-Principal Emerging Markets Multi Asset ▪ CIMB-Principal Equity Growth & Income ▪ CIMB-Principal Preferred Securities ▪ Eastspring Investments Equity Income ▪ Eastspring Investments Global Emerging Markets Fund ▪ Global Emerging Markets Opportunities ▪ Global Multi-Asset Income ▪ Kenanga Growth ▪ RHB Asian Income Fund ▪ RHB Asian Income - Multi Currencies (MYR Hedged) ▪ RHB Big Cap China Enterprise ▪ RHB Global Allocation ▪ RHB Global Artificial Intelligence Fund ▪ RHB Global Macro Opportunities ▪ United ASEAN Discovery ▪ United Global Durable Equity ▪ United Global Emerging Markets Opportunity ▪ United Global Income Focus ▪ United Global Quality Equity |
|---|

- Kadar Promosi untuk **Dana UT yang Layak** disenaraikan di bawah

SIP : Nisbah FD Plus	1 SIP : 1 FD Plus	
Tempoh FD Plus	Kadar Promosi FD Plus	
	Penempatan menggunakan dana baru	Penempatan menggunakan dana sedia ada
6 bulan	5.80% setahun	5.70% setahun

Dana Unit Amanah yang Layak (“Dana UT yang Layak”)

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Affin Hwang Select SGD Income ▪ Affin Hwang Select AUD Income ▪ Affin Hwang Select Income ▪ Affin Hwang World Series – Global Income ▪ United-i Global Balanced ▪ United Income Plus ▪ Manulife Asia Total Return Bond Fund |
|---|

- Semasa Tempoh Promosi, Pelanggan yang Layak akan layak mendapat satu (1) hadiah (“Hadiah”) apabila mereka melabur ke dalam MyGOAL, tertakluk kepada jumlah pelaburan bulanan minimum seperti dalam Jadual 1 di bawah untuk tempoh enam (6) bulan.

Jadual 1

Kategori Hadiah	Jumlah Pelaburan Bulanan Minimum	Tempoh yang Diperuntukkan
Aras 1 : Peresap Minyak Pati	Di bawah RM 20,000	Lima (5)
Aras 2 : Peresap Aroma Creative Bud	RM 20,000 dan ke atas	Lima (5)

Wang yang didepositkan di bawah Promosi ini akan diperuntukkan dalam Tempoh yang Diperuntukkan bermula dari tarikh deposit tersebut diperuntukkan (“Tempoh”).

- Sejumlah dua ribu (2,000) unit Hadiah 1 dan satu ribu (1,000) unit Hadiah 2 akan diberikan pada dasar ‘yang dahulu, didahulukan , tertakluk kepada ketersediaan.
 - Caj jualan minimum dikenakan untuk semua Dana UT yang Layak di bawah Promosi. Pelanggan yang Layak perlu merujuk kepada prospektus yang berkenaan untuk setiap Dana UT yang Layak khusus untuk mendapat maklumat mengenai caj jualan penuh. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan prospektus, dan jika perlu, berunding dengan penasihat mereka, serta mempertimbangkan fi dan caj yang terlibat sebelum melabur.
 - Penempatan FD Plus di bawah Promosi ini akan dilakukan serentak dengan pelaburan Dana UT yang Layak.
 - Sekiranya pelaburan dalam mana-mana Dana UT yang Layak terpilih dibatalkan semasa hak “bertenang” masing-masing yang disediakan oleh Dana UT yang Layak, Pelanggan yang Layak tidak akan layak untuk menikmati Kadar Promosi. Sebaliknya, kadar faedah semasa (pada tarikh penempatan FD Plus) akan digunakan.
- 11.1. Hak Bertenang Unit Amanah:

- 11.1.1. Hak bertenang hanya boleh digunakan sekali sahaja untuk mana-mana pelanggan yang melabur buat kali pertama dalam Dana UT yang Layak dengan UOBM. Hak bertenang tidak boleh digunakan oleh pelanggan yang sama untuk apa-apa pelaburan seterusnya dalam mana-mana Dana UT dengan UOBM.
- 11.1.2. Jika Pelanggan yang Layak memilih untuk tidak meneruskan pelaburan dalam Dana UT yang Layak dalam tempoh bertenang, Pelanggan yang Layak akan menerima bayaran balik jumlah pelaburan dalam Dana UT yang Layak dan juga Caj Perkhidmatan Dana UT yang telah dibayar.
- 11.1.3. Tempoh bertenang ialah tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan permohonan Dana UT oleh UOBM.
- 11.1.4. Jika Pelanggan yang Layak memilih untuk tidak meneruskan pelaburan dalam Dana UT yang Layak semasa dalam tempoh bertenang, FD Plus akan dikembalikan ke kadar faedah semasa.
12. Di bawah Promosi ini, pelanggan perlu melaksanakan satu (1) transaksi langganan UT biasa dan lima (5) transaksi SIP. Bagi kesemua enam (6) transaksi, ia mestilah dalam Dana UT yang Layak yang sama dan dalam jumlah pelaburan minimum. Jumlah pelaburan minimum untuk segmen yang berlainan adalah seperti berikut:
- 12.1 Perbankan Peribadi (*Personal Banking* atau “PB”) – Jumlah pelaburan keseluruhan: RM30,000 (jumlah pelaburan bulanan: RM5,000 X enam (6) bulan) atau dalam gandaan RM5,000 (jumlah pelaburan bulanan: RM10,000 X enam (6) bulan).
 - 12.2 Perbankan Kekayaan (*Wealth Banking* atau “WB”) – Jumlah pelaburan keseluruhan: RM60,000 (jumlah pelaburan bulanan: RM10,000 X enam (6) bulan) atau dalam gandaan RM10,000 (jumlah pelaburan bulanan: RM20,000 X enam (6) bulan).
 - 12.3 Perbankan Keutamaan (*Privilege Banking* atau “PV”) – Jumlah pelaburan keseluruhan: RM60,000 (jumlah pelaburan bulanan: RM10,000 X enam (6) bulan) atau dalam gandaan RM10,000 (jumlah pelaburan bulanan: RM20,000 X enam (6) bulan).
13. Di bawah Promosi ini, jumlah pelaburan minimum untuk Dana UT yang Layak mestilah seperti yang dinyatakan dalam Klausus 12 atau seperti yang dinyatakan dalam Helaian Sorotan Produk bagi dana pelaburan yang Layak, yang mana lebih tinggi.
14. Jumlah pelaburan untuk Dana UT yang Layak dan jumlah penempatan FD Plus (“Jumlah Pelaburan Keseluruhan”) MESTI mengikut nisbah yang dinyatakan di atas.
15. Selepas mendaftar untuk SIP, Jumlah Pelaburan Keseluruhan perlu dimasukkan ke dalam CASA yang ditetapkan oleh UOBM dan akan diperuntukkan untuk lima (5) bulan berikutnya.
16. Pelanggan yang Layak yang layak untuk Promosi ini perlu memastikan dana yang mencukupi sentiasa tersedia dalam CASA yang ditetapkan bagi tujuan pendebitan. Sekiranya terdapat dana yang tidak mencukupi, bayaran faedah yang dikreditkan ke dalam CASA Pelanggan yang Layak akan ditarik balik dan FD Plus akan dikembalikan ke kadar faedah semasa.

17. Pada penempatan FD Plus, Pelanggan yang Layak akan diberi slip pengesahan yang menunjukkan Kadar Promosi. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa ia merupakan kewajipan mereka untuk memastikan bahawa kadar faedah yang dinyatakan dalam slip pengesahan tersebut menunjukkan Kadar Promosi yang mereka layak terima di bawah Promosi ini.
18. Penempatan FD Plus mesti dilakukan dalam satu resit FD dan dalam tempoh yang dinyatakan di atas.
19. Bayaran faedah akan dikreditkan ke dalam CASA Pelanggan yang Layak pada setiap bulan.
20. Jika FD Plus dikeluarkan secara sebahagian atau lebih awal sebelum tamat tempoh, faedah yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Sebelum tamat tempoh 3 bulan pertama penempatan FD:	Tiada faedah akan dibayar
Selepas itu:	50% daripada Kadar Promosi yang dikontrak perlu dibayar untuk setiap bulan penuh

21. Sekiranya FD Plus dikeluarkan secara sebahagian atau lebih awal dan faedah yang dikreditkan ke dalam CASA Pelanggan yang Layak adalah melebihi faedah yang perlu dibayar kepada Pelanggan yang Layak (“Faedah Lebih”), Faedah Lebih akan ditolak daripada jumlah prinsipal FD Plus sebelum baki dipulangkan kepada Pelanggan yang Layak.
 22. Kadar Promosi hanya akan digunakan untuk penempatan FD Plus permulaan. Pada kematangan FD Plus, FD Plus akan dilanjutkan secara automatik untuk tempoh yang sama seperti penempatan asal pada kadar faedah semasa walaupun jika Promosi belum lagi berakhir.
 23. Promosi ini dan Kadar Promosi hanya boleh digunakan untuk penempatan FD Plus yang dilakukan semasa Tempoh Promosi dan tidak sah dengan promosi UOBM lain ataupun kadar khas, tambahan atau istimewa yang lain.
 24. Semua penempatan FD Plus oleh Pelanggan yang Layak di bawah Promosi ini akan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit, tertakluk kepada terma dan syarat PIDM. Anda boleh mendapat salinan Risalah PIDM dari mana-mana cawangan UOBM.
 25. Dana UT tidak dilindungi oleh PIDM. UOBM merupakan ahli PIDM.
 26. Dana UT tidak dilindungi oleh Dana Pampasan Pasaran Modal di bawah Seksyen 152 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (“CMSA”) 2007. Dana Pampasan Pasaran Modal tidak meliputi pelabur yang telah menanggung kerugian kewangan akibat daripada penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain oleh seorang pengarah, pegawai, kakitangan atau wakil UOBM.
- Sebagai seorang pelabur, jika anda mengalami kerugian kewangan seperti yang dinyatakan di atas yang berhubung dengan tindakan kakitangan UOBM, anda boleh mengemukakan aduan kepada:

Customer Advocacy and Service Quality (CASQ)

Menara UOB

Peti Surat 11212

50738 Kuala Lumpur
Tel: 6 03 – 9195 2588
Faks: 6 03 – 2694 8562
E-mel: casqccm@uob.com.my

Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan UOBM, anda boleh merujuk aduan anda ke Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC). Ini mesti dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan daripada penerimaan keputusan akhir dari UOBM.

Terma dan Syarat untuk Hadiah

26. Pelanggan yang Layak boleh mengutip Hadiah di cawangan yang sama di mana mereka menyerahkan borang penyertaan dan kemudian memperuntukkan Jumlah Deposit Minimum (“Cawangan Transaksi”).
27. Sekiranya Hadiah telah ditebus sepenuhnya, UOBM berhak untuk menggantikan Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai sama atau setara, yang akan ditentukan pada budi bicara tunggal UOBM.
28. Gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak mungkin menggambarkan warna sebenar atau saiz Hadiah, dan tidak termasuk sebarang kelengkapan, aksesori atau peralatan pilihan yang dipaparkan.
29. Sekiranya terdapat pemegang akaun bersama, Hadiah akan diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja.
30. Wang yang diperuntukkan di bawah Promosi ini tidak akan layak untuk sebarang promosi UOBM lain dan kadar istimewa, tambahan atau keutamaan yang lain tidak akan diberikan di bawah Promosi ini.
31. Hadiah adalah tertakluk kepada syarat berikut:
 - 31.1 Kutipan Hadiah adalah di Cawangan Transaksi oleh Pelanggan yang Layak pada kos dan perbelanjaan mereka sendiri, dan UOBM tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar Hadiah melalui kurier.
 - 31.2 UOBM tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang rosak atau dicuri selepas Pelanggan yang Layak telah mengutip Hadiah dari Cawangan Transaksi. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya untuk tunai atau barang lain.
 - 31.3 UOBM tidak melakukan sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan dengan Hadiah, dan khususnya, tidak melakukan jaminan berkenaan dengan kualiti Hadiah atau kesesuaianya untuk apa-apa tujuan lain.
 - 31.4 UOBM tidak mempunyai perkaitan dengan organisasi di mana produknya diberikan sebagai Hadiah dalam Promosi ini.

- 31.5 UOBM berhak untuk mengganti atau mengubah Hadiah pada bila-bila masa pada budi bicaranya sendiri dengan memberikan notis terlebih dahulu untuk hadiah lain walaupun jika nilai hadiah tersebut adalah sama atau setara dengan nilai Hadiah.
- 31.6 UOBM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau ketidakpuasan hati dengan Hadiah.
- 31.7 Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat organisasi di mana produknya diberikan sebagai Hadiah dalam Promosi ini.

Terma dan Syarat Am

32. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini termasuk sebarang pemindaan atau perubahan kepadanya dan keputusan UOBM berkaitan dengan apa-apa perkara berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan akan mengikat Pelanggan yang Layak.
33. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi ini kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaian melampau atau salah laku sengaja UOBM yang berkaitan khususnya dengan Promosi ini.
34. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Promosi ini yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
35. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu berhubung dengan Promosi ini.
36. Sekiranya berlaku sebarang peranggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Promosi ini, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan.
37. UOBM berhak untuk menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini sebelum tamat Tempoh Promosi, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa, dengan memberi notis terlebih dahulu.
38. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui paparan pada laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.

39. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.